

IKRAR YANG DI-PERTUAN AGONG

BERIKUT adalah ikrar Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail pada istiadat pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 di Balairong Seri, Istana Negara, semalam.

"Bismillahirrahmannirrahim.

Beta, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya beta telah dipilih menjadi yang di-Pertuan Agong.

Dengan ini, beta akan menjalankan seadil-adilnya pemerintahan bagi Malaysia mengikut undang-undang dan perlembagaan negara, serta memelihara dengan sempurna setiap masa, agama Islam, dan berdiri teguh di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam negara."

Sebelum itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat pengisytiharan bahawa Tuanku Syed Sirajuddin telah dipilih oleh Raja-raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata:

"Bismillahirrahmannirrahim.

Bahawa inilah dimasyurkan kepada sekalianpenduduk negara Malaysia iaitu Paduka Raja-Raja telah memilih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Zbni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pada hari, waktu dan saat yang gilang gemilang ini, maka Seri Paduka Baginda ditabalkan naik takhta kerajaan menjadi turus negara bagi Malaysia dengan bergelar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong."